

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Taman sains sekolah menjadi habitat kepada haiwan seperti burung-burung dan _____
A papatung
B jejari
C kekisi
D tetupai
2. Najwa suka akan permainan komputer dalam talian _____ sangat menyeronokkan.
A dan
B atau
C tetapi
D kerana

Soalan 3

3. Pilih ayat-ayat yang betul.

- I "Berapakah perbelanjaan seharian kamu?" tanya Mei Fung kepada Dinesh.
 - II Apakah tujuan Karnival Keusahawanan diadakan?
 - III Bagaimana Salleh memulakan kerjayanya sebagai seorang penyanyi?
 - IV Yang mengusahakan perniagaan gerai makan itu siapakah?
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Amalan berjimat cermat harus dipupuk sejak kecil lagi. Bak kata peribahasa, “cermat masa banyak, jimat masa sedikit”. Banyak faedah yang diperolehi daripada amalan berjimat cermat.

Antara faedahnya ialah kita boleh menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan. Wang yang disimpan penting untuk digunakan pada waktu kecemasan seperti *membayai* yuran pelajaran, kos perubatan dan sebagainya.

Berjimat cermat juga mengelakkan kita daripada masalah hutang. Seseorang yang berbelanja dengan boros selalunya tidak berfikir dengan sedalam-dalamnya sebelum membeli sesuatu barang. Apabila kehabisan wang, dia mungkin sanggup terjerat dengan masalah hutang melalui pinjaman wang.

Berjimat cermat juga menjadikan seseorang itu berdisiplin. Oleh itu, kita perlu berusaha untuk menjadikan amalan berjimat cermat sebagai budaya kita. Yakinlah bahawa amalan ini pasti membawa kebaikan kepada diri sendiri di kemudian hari.

4. Berdasarkan petikan, wang yang disimpan boleh digunakan untuk tujuan apa?
 - A Waktu kecemasan
 - B Pinjaman
 - C Membeli-belah
 - D Hiburan
5. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** faedah amalan berjimat cermat?
 - A Menyimpan wang untuk kegunaan masa hadapan
 - B Menyebabkan seseorang itu terjerat dengan masalah hutang
 - C Menjadikan seseorang itu berdisiplin
 - D Mengelakkan kita daripada masalah hutang
6. Perkataan *membayai* dalam petikan membawa maksud
 - A menerima.
 - B memberi.
 - C membayar.
 - D menyumbang.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KARNIVAL SAINS DAN TEKNOLOGI

ANJURAN PUSAT SAINS NEGARA

Dalam dunia yang maju dan canggih pada hari ini, masyarakat perlu memiliki kemahiran yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi.

Tarikh : 12 Julai 202_
Masa : 8:00 pagi – 5:00 petang
Tempat : Pusat Sains Negara
Penyertaan : Murid sekolah rendah

Objektif utama:

Memupuk minat murid terhadap sains dan teknologi

Program menarik:

- Pameran robotik
- Kuiz sains
- Pertunjukan kereta solar
- Pertunjukan roket air
- Cabutan bertuah

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Cik Thong, pengurus Pusat Sains Negara di talian 03-2356 xxxx ataupun layari laman sesawang <https://www.pusatsainsnegara.com.my>.

BAHAN 2

Aidil : Gauri, saya ternampak suatu iklan di laman sesawang Pusat Sains Negara *kemarin* lalu mencetaknya. Nah, cuba lihat! Adakah awak berminat?

Gauri : Oh, rupa-rupanya Karnival Sains dan Teknologi! Saya berminat.

Aidil : Dalam karnival itu, kita akan dapat melihat pameran robotik, pertunjukan kereta solar dan roket air. Menariknya! Kalau berminat, awak juga boleh menyertai kuiz sains di karnival itu nanti.

Gauri : Bagaimanakah saya boleh mendapat semua maklumat ini?

Aidil : Awak boleh menghubungi Cik Thong ataupun melayari laman sesawang Pusat Sains Negara.

Gauri : Terima kasih, jumpa awak nanti.

Aidil : Jumpa lagi.

7. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah objektif Karnival Sains dan Teknologi diadakan?
- A Memupuk minat murid terhadap sains dan teknologi
 - B Mencungkil bakat murid dalam bidang sains
 - C Mengaplikasikan pengetahuan sains melalui objek sebenar
 - D Membudayakan ilmu sains dalam semua lapisan masyarakat
8. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** program dalam Karnival Sains dan Teknologi?
- A Pameran robotik
 - B Pertunjukan roket air
 - C Pameran hampagas
 - D Pertunjukan kereta solar
9. Perkataan *kelmarin* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan
- A semalam.
 - B hari ini.
 - C lusa.
 - D minggu lepas.
10. Pilih pernyataan yang **benar** berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Penyertaan karnival ini terbuka kepada semua lapisan masyarakat.
 - B Aidil akan membawa Gauri ke Karnival Sains dan Teknologi.
 - C Cik Thong merupakan pencipta Pusat Sains Negara.
 - D Karnival Sains dan Teknologi diadakan di Pusat Sains Negara.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kebelakangan ini, keratan akhbar dan siaran televisyen sering memaparkan kes penipuan wang. Penipuan ini semakin menjadi-jadi pada hari ini sehingga ramai orang yang telah menjadi mangsa. Banyak langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kejadian penipuan ini.

Langkah pertama yang boleh diambil adalah dengan menggunakan komputer atau melayari laman sesawang secara cermat. Kita perlu memastikan laman yang dilayari ialah laman yang betul. Elakkan daripada memuat turun aplikasi yang tidak sah.

Selain itu, jangan mudah percaya terhadap skim cepat kaya kerana kebanyakan daripadanya ialah suatu penipuan. Ramai orang yang mempercayai skim ini kerana mahu kaya dengan cara yang pantas serta mempercayai pulangan pelaburan yang tinggi. Akhirnya, mereka rugi dan tidak mendapat pulangan daripada mana-mana pihak.

Satu lagi taktik yang biasa digunakan ialah pancing data. Contohnya, penipu akan menyamar sebagai wakil pihak bank dan meminta maklumat peribadi daripada mangsa. Jangan sesekali memberi maklumat peribadi anda seperti kad kredit melalui telefon ataupun laman sesawang. Bertindak rasional supaya anda tidak menjadi salah seorang daripada mangsa penipuan wang ini.

1. Ramai orang yang tertipu kerana mempercayai _____ .

[1 markah]

2. Berikan dua langkah untuk mengelakkan kejadian penipuan wang.

[2 markah]

3. *Gariskan kata ganda dalam ayat yang diberi.*

Penipuan ini semakin menjadi-jadi pada hari ini sehingga ramai orang yang telah menjadi mangsa.

[1 markah]

4. *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.*

Ramai orang yang mempercayai skim ini kerana mahu kaya dengan cara yang pantas serta mempercayai pulangan pelaburan yang tinggi.

Skim ini dipercayai oleh ramai orang kerana mahu kaya dengan cepat serta mempercayai pulangan pelaburan yang tinggi.	
Pulangan pelaburan yang tinggi dipercayai oleh ramai orang kerana mahu kaya dengan cepat.	

[1 markah]

Bahagian C
[10 markah]


Grafik di bawah menunjukkan maklumat tentang kebaikan kod QR.
Tuliskan pendapat kamu tentang kebaikan kod QR tersebut.
Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.
panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Kebaikan Kod QR



Saiz kod QR bersifat fleksibel kerana boleh diubah menjadi kecil atau besar

Memperoleh maklumat dengan pantas hanya dengan mengimbas melalui telefon pintar



Bersifat mesra alam kerana terpapar melalui paparan skrin

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau tidak berformat.


Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Jadilah Pembeli yang Bijak

Menyenaraikan
barangan yang hendak
dibeli



Membuat perbandingan
harga



Membeli barangan
yang berkualiti



Lined writing area with 20 horizontal lines.